

KENYATAAN MEDIA

Kota Bharu, 28 Februari 2008

Yayasan Khazanah Lancarkan Tiga Biasiswa Pengajian Tinggi

Yayasan Khazanah hari ini mengumumkan pelancaran tiga program biasiswa pengajian tinggi, khusus bagi membangunkan modal insan di negara ini yang menawarkan biasiswa penuh kepada para penuntut yang berkelayakan.

Program biasiswa ini dibuka kepada para penuntut cemerlang yang merancang untuk melanjutkan pengajian ijazah atau pasca ijazah di universiti-universiti ternama di Malaysia atau di luar negara, dalam pelbagai bidang.

Program-program biasiswa itu yang dilancarkan oleh YB Dato' Mustapa Mohamed, di sini hari ini, ialah Program Biasiswa Merdeka Khazanah, Program Biasiswa Watan Yayasan Khazanah dan Program Biasiswa Asia Yayasan Khazanah. Tiga program biasiswa yang baru ini merupakan tambahan kepada program Biasiswa Khazanah-100 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2005.

Majlis tersebut turut merangkumi pemeteraian perjanjian antara Yayasan Khazanah dan Oxford Centre for Islamic Studies (OCIS) untuk kerjasama bagi Program Biasiswa Merdeka Khazanah. Ia ditandatangani oleh Dato' Azman Mokhtar, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Khazanah yang juga merupakan Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad, dan Dr. Farhan Ahmad Nizami, Pengarah OCIS. Pemeteraian perjanjian tersebut disaksikan oleh YB Dato' Mustapa.

YB Dato' Mustapa yang juga merupakan Pengerusi Yayasan Khazanah berkata: "Inisiatif biasiswa Yayasan Khazanah adalah selari dengan objektif Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Kebangsaan 2007-2010 untuk mengubah sistem pendidikan tinggi negara dan menghasilkan generasi baru rakyat Malaysia yang mampu menjadi pemimpin, melaksanakan inovasi dan bersaing dalam ekonomi global."

Menurut Dato' Azman, ketiga-tiga program biasiswa ini merupakan usaha terbaru Yayasan Khazanah untuk menawarkan peluang sama rata bagi pendidikan tinggi bertaraf dunia kepada para pelajar Malaysia dan luar negara yang layak selain untuk mempromosi universiti-universiti Malaysia.

"Kami percaya melalui biasiswa berkenaan, kami akan membantu melahirkan kumpulan pemimpin yang professional dan beretika untuk menjana industri-industri strategik di Malaysia yang akan membolehkan negara bergerak maju dalam abad ke 21 dan abad-abad seterusnya," kata beliau.

Sementara itu, Dr. Farhan Ahmad Nazimi berkata, OCIS amat gembira kerana dapat bekerjasama dengan Yayasan Khazanah untuk menawarkan kepakaran, kemahiran dan pengetahuan akademik mereka. "Ia akan membantu membukakan jalan bagi penuntut Malaysia yang layak untuk meneruskan pendidikan lepasan ijazah mereka di

dua buah universiti paling berprestij di dunia, Universiti Oxford dan Universiti Cambridge,” katanya. “Kami akan menyediakan sokongan akademik dan semangat kepada para pemegang biasiswa ini dan menguruskan program biasiswa tersebut dengan sebaik mungkin,” tambah beliau.

Tamat

Sebarang pertanyaan media boleh diajukan kepada Azman Hussein di Yayasan Khazanah melalui nombor telefon +603 2034 0000 atau e-mel azman.hussein@khazanah.com.my.

Latar Belakang Program Biasiswa Khazanah Merdeka

Program Biasiswa Khazanah Merdeka merupakan kerjasama antara Yayasan Khazanah dan Oxford Centre for Islamic Studies (OCIS), United Kingdom. Ia menawarkan lima biasiswa setiap tahun kepada para pelajar terbaik Malaysia bagi melanjutkan pengajian pasca ijazah sama ada di Universiti Oxford atau Universiti Cambridge, dua buah universiti terkemuka dunia. Objektif jangka panjang program ini adalah untuk mewujudkan kumpulan bakat Malaysia yang memiliki pencapaian cemerlang dalam akademik dan kemahiran kepimpinan yang penting bagi membentuk para pemimpin perniagaan dan industri pada masa depan.

Latar Belakang Program Biasiswa Watan Yayasan Khazanah

Program Biasiswa Watan Yayasan Khazanah menawarkan 25 biasiswa kepada rakyat Malaysia yang layak bagi melanjutkan pengajian ijazah dan pasca ijazah di universiti tempatan yang terkemuka. Program ini yang dibiayai oleh Khazanah Nasional, adalah dibuka kepada semua rakyat Malaysia dan akan menyediakan biasiswa penuh kepada para pelajar selain menawarkan pendedahan industri yang berharga melalui program Mentor Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Ia turut menyokong objektif negara untuk membentuk pemegang sarjana elit di universiti tempatan dan bertindak selaku rantaian bekalan bakat bagi membangunkan pemimpin bertaraf dunia yang mampu memegang jawatan-jawatan strategik di GLC.

Latar Belakang Program Biasiswa Asia Yayasan Khazanah

Program Biasiswa Yayasan Khazanah Asia menyediakan peluang kepada para pelajar asing untuk melanjutkan pengajian tinggi mereka di Malaysia. Sejumlah 25 biasiswa akan diberikan kepada para pelajar yang layak bagi pengajian ijazah dan lepas ijazah. Para pelajar yang terpilih perlu memberikan komitmen padu mereka untuk memajukan negara-negara masing-masing sejajar dengan amalan kepimpinan dan kawalselia yang baik. Program ini menyokong matlamat Yayasan Khazanah bagi membentuk para pemimpin perniagaan dan industri akan datang di samping memberi



kesempatan untuk Khazanah menyumbang kepada pembangunan sosial di negara-negara yang mana ia beroperasi. Yayasan Khazanah akan turut bekerjasama dengan wakil di negara-negara berkenaan bagi mengenalpasti calon-calon sesuai untuk program ini.

Latar Belakang Yayasan Khazanah

Yayasan Khazanah merupakan sebuah yayasan yang ditubuhkan di bawah kelolaan Khazanah Nasional Berhad, bertujuan untuk mengenalpasti, memilih dan membiayai individu dengan pencapaian akademik cemerlang dan potensi kepimpinan untuk melanjutkan pengajian di universiti-universiti terkemuka, sama ada di Malaysia atau di luar negara. Yayasan Khazanah turut membentuk dan melaksanakan program-program biasiswa, menyediakan bantuan, insentif dan penajaan kepada individu cemerlang. Objektif jangka panjang Yayasan Khazanah adalah untuk membangun dan mewujudkan kumpulan individu berpotensi dengan kelayakan akademik cemerlang dan kemahiran kepimpinan yang mampu menjadi pemimpin perniagaan dan industri di Malaysia.

Latar Belakang Oxford Centre for Islamic Studies (OCIS)

Oxford Centre for Islamic Studies merupakan sebuah pusat pengajian bertauliah di Universiti Oxford. Ia ditubuhkan pada tahun 1985 bagi menggalakkan kajian mengenai Islam dan dunia Muslim. TYTM Putera Wales merupakan Penaung pusat berkenaan, yang ditadbirkan oleh sebuah Lembaga Pemegang Amanah yang dianggotai oleh sarjana dan negarawan daripada seluruh pelusuk dunia, bersama-sama wakil daripada Universiti Oxford.

OCIS menawarkan wadah untuk pertemuan ilmu bagi dunia Barat dan Islam. Di Oxford ia menyumbangkan kepada pengajian pelbagai disiplin berkaitan dunia Islam. Peranannya di luar universiti itu diperkukuhkan dengan pembangunan rangkaian antarabangsa di kalangan ahli akademik.